

Kerana persoalkan
kebebasan kemanusiaan

Mahathir bidas negara2 maju

UM 25 MAY 1991

MIRI 24 Mei — Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini membidas negara - negara maju kerana mempersoalkan kebebasan kemanusiaan di Malaysia, sedangkan mereka sendiri tidak mengamalkannya.

Perdana Menteri menyoal: "Saya ingin tahu kebebasan apakah yang mereka katakan sedangkan semasa mereka menjajah, mereka tidak memberi hak mengundi kepada kita, menarik keluar hasil negara kita dan menindas kita."

Katanya, kebebasan bukanlah bermakna memberi hak untuk memberontak, merusuh atau membunuh seperti mana yang ingin negara - negara maju lihat berlaku di Malaysia.

"Mereka mempersoalkan demokrasi dan kebebasan di negara kita sedangkan mereka tidak bersikap demokratik mengenai usaha kita untuk menubuhkan Kumpulan Ekonomi Asia Timur atau EAEG ... jadi di manakah wujudnya demokrasi, pada pandangan mereka," katanya dalam satu sidang akhbar di akhir lawatan rasminya di Miri, Sarawak petang ini.

Dato' Sri Dr. Mahathir berkata de-

apabila mereka mengeneipkan fakta - fakta mengenai kerajaan Malaysia dan selepas itu tak memberi peluang kepada saya untuk menjawabnya," ujar beliau.

Mengenai kebebasan kemanusiaan dan hak - hak individu beliau menyoal, "apakah mereka membenarkan kita memilih wakil - wakil kita semasa mereka menjajah kita sebaliknya mereka menangkap dan menahan kita."

"Mereka tidak memberi kita sebarang kebebasan individu sepertimana yang mereka laung - laungkan sekarang sebaliknya selepas sahaja kita merdeka mereka mempersoalkan kebebasan dan cara kita mentadbir negara."

"Ini samalah seperti kata pepatah Melayu kuman di seberang laut nampak gajah mati di depan mata tidak nampak."

"Samalah seperti di Australia, mereka membiarkan orang - orang Asli mereka kebuluran, menangkap dan meleakkan orang - orang Asli mereka dalam penjara yang hanya dipenuhi dengan masyarakat asli lebih lagi daripada kaum kulit putih.

mikian sebagai menjawab, pertanyaan para pemberita mengenai laporan Program Pembangunan Pertumbuhan Bangsa - Bangsa Bersatu (UNDP) yang menyebut tahap kebebasan kemanusiaan amat rendah di Malaysia sedangkan tahap pembangunan kemanusiaannya tinggi.

Dalam laporan yang dibaca oleh Penolong Pentadbir UNDP kawasan Asia dan Pasifik, Krishnan Gopal Singh menyebut, tahap kebebasan kemanusiaan di Malaysia amatlah lebih rendah Israel dan beberapa negara Amerika Latin serta Eropah Timur.

Dalam hubungan ini Perdana Menteri berkata, laporan UNDP sama - samalah seperti 'menggosok badan belakang kita tapi kemudian menumbuk kita di hidung.'

Sambil berkata, beliau sudah tidak hairan lagi dengan laporan seumpama itu, Dato' Sri Dr. Mahathir menambah apa yang mereka katakan kepada Malaysia tidak ubah seperti apa yang mereka amalkan.

Kata beliau, keinginan badan - badan seumpama itu yang didokong oleh negara - negara maju ialah untuk melemahkan negara - negara kecil seperti Malaysia.

"Media - media antarabangsa cuma seronok untuk menemuramah saya dan kemudian menghentam saya dan mengkritik kita dari belakang dengan memadamkan apa yang baik yang telah saya katakan."

"Saya ingin tahu apa yang kebebasan yang mereka berikan kepada saya

Cadangan

"Mereka menghalau orang - orang Asli mereka seperti anjing di jalanan dan sesetengah negara maju pula tidak memberi kebebasan kepada kaum kulit hitam dan warna dalam beberapa hal," ujar beliau dengan panjang lebar.

Ditanya apakah tindakan negara - negara maju itu terhadap cadangan penubuhan EAEG boleh disamakan dalam hal ini, Perdana Menteri menjawab.

"Inilah yang kita katakan *double standard*, EAEG adalah contoh tiadanya demokrasi yang diberikan kepada negara - negara kecil."

Beliau menambah mereka sedar Amerika adalah kuasa besar di mana - mana sahaja mereka berada oleh itu janganlah bercakap mengenai demokrasi di negara ini kerana Malaysia tahu bagaimana hendak mentadbir negaranya.

"Ini kerana merekapun bukanlah bersikap demokratik dalam EAEG kerana mereka cuba menarik hak - hak negara kecil dalam menentukan arah nasib mereka sendiri.

"Tapi cuba kita beri peluang kepada mereka untuk mentadbir negara ini. Hari ini kita serah Malaysia esok mereka akan memasukkan kita semua dalam penjara dan menarik hak - hak kita sebagai warganegara," tegasnya.

Menurut Perdana Menteri, ini adalah soal sikap yang tidak boleh diubah lagi.